



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***GAYA PENYAMPAIAN CERITA RAKYAT MELAYU TERPILIH DALAM
MAJALAH DEWAN PELAJAR***

SITI ZUHAIDAH BINTI ZAKERIA

FBMK 2016 87



**GAYA PENYAMPAIAN CERITA RAKYAT MELAYU TERPILIH DALAM
MAJALAH DEWAN PELAJAR**

Oleh

SITI ZUHAIDAH BINTI ZAKERIA

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Disember 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**GAYA PENYAMPAIAN CERITA RAKYAT MELAYU TERPILIH DALAM
MAJALAH DEWAN PELAJAR**

Oleh

SITI ZUHAIDAH BINTI ZAKERIA

Disember 2015

Pengerusi : Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini membincangkan tentang gaya penyampaian cerita rakyat Melayu terpilih untuk kanak-kanak yang tersiar dalam majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan judul ini difikirkan sangat penting memandangkan terdapat varia permasalahan yang telah pun dikesan dalam penulisan buku sastera kanak-kanak. Rata-ratanya berkisar tentang kandungan buku (isi dan plot), bahasa dan persempahanan penulisan yang masih belum memperlihatkan kemantapannya. Meskipun, ada di antara penulis buku kanak-kanak yang sudah berjaya menyelongkar tema yang menarik seiring dengan globalisasi teknologi kini, sayangnya, terkorban begitu sahaja dek kerana kekurangan yang ada pada penulis itu sendiri. Di antara lambakan penulis buku kanak-kanak di negara ini masih ada yang belum menguasai teknik penulisan dengan baik. Bahkan, apa yang merisaukan adalah golongan ini belum benar-benar memahami dan menyelami alam fikiran juga jiwa kanak-kanak. Padahal, ilmu pengetahuan psikologi audiens (kanak-kanak) harusnya sudah sebatik diri penulis buku kanak-kanak. Oleh itu, satu kajian yang tuntas perlu dicermati dengan harapan dapat mencipta satu modul sebagai panduan dalam penulisan bahan bacaan sastera untuk kanak-kanak. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis gaya penyampaian cerita rakyat kanak-kanak dalam Dewan Pelajar terbitan DBP. Korpus yang digunakan untuk penyelidikan ini adalah cerita rakyat (Malaysia) yang disiarkan dalam majalah Dewan Pelajar, yang merupakan satu wadah sampingan untuk bacaan kanak-kanak. Penganalisisan data kajian ini dilakukan secara kualitatif iaitu analisis teks di samping penerapan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-kanak sebagai kayu ukur dalam kajian gaya penulisan ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**STYLE OF PRESENTATION OF SELECTED MALAY FOLK TALES FOR
CHILDREN PUBLISHED IN THE DEWAN PELAJAR MAGAZINE**

By

SITI ZUHAIDAH BINTI ZAKERIA

December 2015

Chairman : Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research discusses the style of presentation of selected Malay folk tales for children published in the Dewan Pelajar magazine issue of Dewan Bahasa dan Pustaka. The selection of the game as very important since there is a varia problems already detected in writing children's literature book. Mainly on the book (the content and plot), language and writing that has yet to show stability. However, some of the author of children's books that are already successful rummage rubbish interesting themes in line with the globalization of technology today, unfortunately, killed so only the deck due to lack on the author itself. Between dumping the author of children's books in this country still have yet to master the techniques of writing well. In fact, what is troubling is this group has not really understood and delving into the nature of mind is also the soul of the child. But, the psychological knowledge of your audience (kids) should already well inside the author of children's books. Therefore, a comprehensive study should be care with the hopes of creating a module as a guide in writing literary reading materials for children. The objective of this study was to identify and analyze the style of presentation of the children's folklore in the Dewan Pelajar magazines published by DBP publications. Corpus used to this research is folklore (Malaysia) published in the Dewan Pelajar magazine, which is a platform side reading to children. Analyzing the data of this study carried out qualitative text analysis that is in addition to the application of Psychological theories of child development as a benchmark in the study of this writing style.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ

Puji syukur saya panjatkan kepada Tuhan pencipta alam, Allah azzawajalla dan selawat serta salam ke atas junjungan besar kepada nabi dan kekasih Allah azzawajalla, Nabi Muhammad saw, ahli keluarga baginda dan juga para sahabatnya. Atas berkat dan rahmat dari-Nya, saya dapat menyelesaikan skripsi ini. Sebagai makluman, penulisan ini dilakukan adalah bagi memenuhi syarat untuk mencapai Ijazah Sarjana Sastera Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Saya menyedari bahawa, tanpa bantuan dan bimbingan daripada pelbagai pihak yakni sejak dari masa perkuliahan hingga ke peringkat penyusunan skripsi ini, amat sulit bagi saya menyiapkannya. Oleh itu, dengan kesempatan yang amat berharga ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada:

- i. Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi selaku penyelia pembimbing yang telah menyediakan waktu, tenaga dan fikiran untuk mengarahkan serta membantu saya menyiapkan skripsi ini;
- ii. Warga pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) terutamanya yang bertugas di bawah Jabatan Bahasa Melayu serta kakitangan-kakitangan FBMK terutamanya yang bertugas di bahagian Seksyen Siswazah dan Antarabangsa;
- iii. Kedua orang tua saya iaitu En. Zakeria Suboh dan Pn. Narimah Hamzah serta barisan ahli keluarga dan juga sahabat saya telah memberi bantuan dukungan material mahupun moral.

Akhir kata, saya berharap Tuhan Yang Maha Pemurah berkenan membalaik segala budi baik semua pihak yang telah membantu. Semoga skripsi ini dapat menyebarkan manfaat bagi perluasan ilmu di masa hadapan.

Siti Zuhaidah Binti Zakeria
1515 A Jalan Masjid Sekendi,
Batu 36,
45200 Sabak Bernam,
Selangor Darul Ehsan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 17 Disember 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Zuhaidah binti Zakeria bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah (Ijazah Master Kesusasteraan Melayu).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, PhD

Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nik Rafidah binti Muhamad Affendi, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Roslina binti Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Siti Zuhaidah binti Zakeria (GS33955)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan : Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan : Roslina binti Abu Bakar

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI GAMBAR RAJAH	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengetahuan	1
DBP Sebagai Agen Pengembangan Sastera Kanak-kanak	4
Penyataan Masalah	5
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Batasan Kajian	11
Kaedah Kajian	13
Definisi Operasional	13
Gaya dan Gaya Penyampaian atau Penulisan	14
Cerita Rakyat	16
Kesimpulan	17
2 SOROTAN LITERATUR	19
Pengetahuan	19
Kajian Lepas Mengenai Aspek Gaya Penyampaian dalam	19
Sastera Kanak-kanak	19
Kajian Lepas Mengenai Isu dan Permasalahan dalam	25
Sastera Kanak-kanak	25
Kajian Bahan Bacaan Berbentuk Majalah untuk Kanak-kanak	29
Kesimpulan	31
3 METODOLOGI KAJIAN	32
Pengetahuan	32
Reka Bentuk Kajian	32
Pendekatan Kajian	33
Teori Psikologi Perkembangan	34
Teori Perkembangan Robert Havighurst	35
Pendekatan Islam dalam pendidikan Kanak-kanak	36
Kerangka Konseptual	37
Kesimpulan	38

4	ANALISIS KAJIAN	39
	Pengenalan	39
	Plot	39
	Permulaan Cerita	41
	Pertengahan Cerita	53
	Penutup Cerita	69
	Kesimpulan	77
	Bahasa	77
	Pemilihan Diksi	78
	Penyusunan Ayat	84
	Kesimpulan	87
	Nilai Pendidikan dalam Cerita	88
	Pendidikan Iman	89
	Pendidikan Akhlak	94
	Pendidikan Psikologi	103
	Kesimpulan	109
	Ilustrasi dalam Cerita	109
	Sumber Informasi	110
	Latar dan Watak	125
	Kesimpulan	136
5	PENEMUAN DAN PENUTUP	137
	BIBLIOGRAFI	141
	BIODATA PELAJAR	153

SENARAI RAJAH

Jadual		Halaman
1	Judul cerita rakyat (Malaysia) terbitan majalah Dewan Pelajar dari tahun 2004-2013	12
4.1.1	Judul cerita rakyat yang menggunakan teknik pemerian di permulaan cerita	42
4.1.3a	Jadual cerita rakyat dengan teknik pemerian di bahagian penamat cerita	70
4.1.3b	Jadual cerita rakyat dengan teknik pertuturan di bahagian penamat cerita	73
4.2.1	Jadual penggunaan kata dialek atau bahasa daerah dalam cerita rakyat	80
4.2.2	Jadual penggunaan bahasa istana dalam cerita rakyat	81
4.2.3a	Jadual penggunaan simpulan bahasa dalam cerita rakyat	82
4.2.3b	Jadual penggunaan peribahasa dalam cerita rakyat	83
4.3.1	Judul cerita rakyat yang mengandungi nilai pendidikan iman	89
4.3.2	Judul cerita rakyat yang mengandungi nilai pendidikan akhlak	95
4.3.3	Judul cerita rakyat yang mengandungi nilai pendidikan psikologi	104
4.4.1a	Jadual cerita rakyat dengan unsur budaya material	113
4.4.2a	Jadual cerita rakyat dengan ilustrasi latar tempat	126

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah		Halaman
4.4.1a (i)	Ilustrasi menunjukkan tiga orang pengawal raja sedang memegang lembing dalam cerita <i>Baju Baru Raja</i>	113
4.4.1a (ii)	Pelbagai bentuk mata lembing yang digunakan masyarakat Melayu tradisional sebagai senjata	113
4.4.1a (iii)	Ilustrasi menunjukkan penggunaan senjata keris oleh masyarakat Melayu tradisional yang terdapat dalam cerita <i>Hashim yang Cerdik</i>	114
4.4.1b (i)	Ilustrasi penggunaan sampan sebagai pengangkutan air utama oleh masyarakat Melayu tradisional	115
4.4.1b (ii)	Ilustrasi kapal layar yang digunakan oleh watak Embong bersama isterinya ketika pulang ke kampung	116
4.4.1c (i)	Ilustrasi menunjukkan seorang lelaki sedang memikul karung dalam cerita <i>Isteri Si Penjual Garam</i>	117
4.4.1c (ii)	Ilustrasi menunjukkan seorang nenek tua sedang memegang uncang kecil sambil diperhatikan oleh sepasang suami isteri dalam <i>Kisah Seuncang Padi</i>	117
4.4.1d (i)	Bentuk sebenar alatan tempayan	118
4.4.1d (ii)	Bentuk sebenar alatan guri yang diperbuat daripada tanah liat	118
4.4.1e (i)	Ilustrasi Cerita Peperangan Kucing dengan Tikus	119
4.4.1e (ii)	Ilustrasi Si Anak-anak dengan Hampa Padi	119
4.4.1e (iii)	Ilustrasi Dadu dan Didi Membunuh Gergasi	119
4.4.1e (iv)	Ilustrasi Guri Emas dan Isteri Cantik	120
4.4.1f (i)	Ilustrasi Balasan Orang Kaya Tamak	121
4.4.1g	Ilustrasi Buah Nanas	121

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kesusasteraan Melayu pada dasarnya terbahagi kepada dua kategori iaitu sastera tradisional dan sastera moden. Hal ini, seperti mana yang dikatakan oleh Ismail Hussein (1969: 94) dalam makalahnya *A Selected Bibliography of Traditional Malay Literature* apa yang dimaksudkan dengan sastera tradisional ialah “*meant all literary phenomena either written or oral, that were created or existed before the printing press was introduced in the middle of 19th century*”. Hingga kini, bilangan pengkaji yang benar-benar berminat dalam bidang sastera tradisional di Malaysia masih kurang berbanding dengan sastera moden. Berhubung dengan itu, A. Rahman Kaeh (1977: 52) menganggap selain terdapat tanggapan negatif mengenai bidang sastera oleh masyarakat, pada dasarnya bidang sastera tradisional sendiri merupakan suatu bidang yang agak merumitkan dan menuntut ketabahan serta kesabaran seseorang pengkaji itu sendiri.

Secara keseluruhannya, sastera tradisional terbahagi kepada dua kelompok iaitu sastera istana dan sastera rakyat. Perkara ini, sepetimana yang dikatakan oleh Abdul Rahman Kaeh (1984: 17) bahawa sastera istana terlahir bersama kedatangan sistem tulisan ke dalam masyarakat Melayu manakala sastera rakyat pula disampaikan secara lisan. Meskipun, perkembangan kedua-dua kelompok ini beriringan, namun sastera rakyat lebih dahulu tersebar di kalangan masyarakat Melayu seiring dengan corak penyebarannya iaitu secara lisan. Bahkan juga, kedua-dua sastera ini saling bertentangan sama sekali sesuai dengan keinginan kedua-dua pihak dalam mencerminkan pergolakan jiwa, perbuatan serta daya cipta masing-masing.

Umumnya, kebanyakan daripada hasil sastera istana dihadirkan dalam bentuk tulisan yang dicatat oleh pujangga-pujangga yang berkhidmat untuk raja dan turut tinggal di dalam istana. Biasanya, para pujangga ini mencatat segala hal yang berlaku di dalam dan luar istana sepetimana titah raja mereka. Pengerahan ini melambangkan golongan feudal bebas dan mudah mengekalkan kekuatan mereka sehingga turut mempengaruhi penghasilan karya sasteranya yang berhasil mengikut keinginan mereka (golongan atasan) sendiri. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa apa yang disebut sastera istana itu juga dikenali sebagai sastera golongan *literate*, manakala sastera rakyat pula dapat dianggap sebagai sastera milik golongan orang-orang yang *illiterate* sepetimana yang dikatakan sendiri oleh Ismail Hussein (1970: 223) atau juga turut dikenali sastera lisan. Namun kini, sebahagian besar sastera lisan telah mengalami proses percetakan atau ditulis kembali melalui hasil rakaman yang dijalankan oleh beberapa orang pengumpul cerita rakyat. Ini kerana, asalnya sastera lisan dituturkan atau dinyanyikan oleh ‘tukang cerita’ dalam suatu anggota masyarakat yang dikenali sebagai penglipur lara atau tok selampit, manakala yang lainnya hanya bertindak sebagai pendengar sahaja.

Sastera rakyat merupakan ‘produk’ golongan marhaen yang terawal dan lazimnya diwarisi turun-temurun. Proses penurunan ini disebut oleh Alan Dundes (1965: 5) sebagai proses *transmisi* iaitu penuturnya disampaikan dari mulut ke mulut, dan tersebar dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Manakala, menurut Aripin Said (1996: 13) pula sastera rakyat ini lahir dalam lingkungan bangsa Melayu itu sendiri yang hidup secara primitif dan tertutup dalam adat budayanya serta dibaluti oleh kepercayaan animisme yang tebal dan dipengaruhi oleh alam sekitar. Hal ini, sepertimana menurut Jan Vansina (1965: 5) yang dipetik daripada tulisan A. Rahman Kaeh (1977: 56) yang berjudul *Latar Belakang Sastera Tradisional Melayu* bahawa proses transmisi ini secara tidak langsung mengakibatkan “*the original form is lost and the content becomes fluctuating and blurred*”, atau menyebabkan timbulnya berbagai-bagi versi sama ada dalam bentuk isi atau judul dari satu sumber yang sama.

Menurut Danandjaja (1997: 22) pula, sastera rakyat boleh dibahagikan kepada enam bentuk, yakni bahasa rakyat, ungkapan tradisional, pernyataan tradisional, sajak dalam puisi rakyat, cerita prosa rakyat, dan nyanyian rakyat. Manakala, pendapat daripada Wolfram Eberhard (1970: 1) pula mengatakan sastera rakyat adalah “*limited to the oral traditions or oral literature of a society. It therefore encompasses folktales, fairy tales, epic folk songs, riddle, proverb, proverbial sayings and even folk novels*”. Namun, menurut Harun Mat Piah *et al* (2006: 87-88) sastera rakyat Melayu pada dasarnya boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu bentuk cerita (kisah dan naratif) dan bentuk bukan cerita (bukan kisah atau bukan naratif). Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan cerita rakyat naratif (prosa) yang mana merupakan genre paling banyak mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat Melayu dahulu (berdasarkan pengamatan kajian terdahulu). Tokoh sastera lokal, Khadijah Rahmat (2006: 18) pula membahagikan cerita-cerita rakyat kepada tiga kumpulan; mitos dan legenda rakyat, cerita binatang (*animal tales/fables*) dan cerita Melayu klasik atau hikayat. Klasifikasi oleh Khadijah ini menunjukkan sedikit berbeza dengan Aripin Said (1996: 26) yang telah memecahkan cerita rakyat kepada enam jenis iaitu cerita penglipur lara, cerita asal usul, cerita legenda, cerita mitos, cerita jenaka, dan cerita binatang.

Meskipun cerita rakyat dianggap satu ‘pelarian’ masyarakat dewasa sebagaimana yang dikatakan oleh Aripin Said dalam bukunya berjudul *Prosa Warisan* (1996: 18), namun penyebarannya turut menarik minat kanak-kanak untuk mendengar dan menikmatinya. Buktinya, jelas dapat dilihat dalam cerita-cerita jenaka yang bercorak sindiran, namun masih memiliki unsur kelucuan yang dapat menarik kanak-kanak mendekati cerita-cerita jenaka. Bahkan, melihat daripada corak penyampaian cerita rakyat itu sendiri seperti yang dikatakan oleh Mohamed Anwar Omar Din (2008), kebanyakannya disampaikan selepas waktu makan malam oleh nenek atau datuk sama ada cerita binatang, cerita hantu dan asal-usul tempat dan ditambah dengan suasana suram bertemankan cahaya pelita sudah mampu mewujudkan suasana kekeluargaan yang kental.

Tambahan pula, corak penyampaiannya turut diadun dengan nyanyian, pantun dan gurindam yang akhirnya telah menarik perhatian kanak-kanak untuk meniru dan berkongsi bersama rakan-rakan sepermainan. Ini jelas membuktikan, sastera kanak-kanak mula berkembang daripada tradisi sastera lisan sama ada dalam bentuk puisi mahupun prosa. Dalam masyarakat Melayu tradisional sendiri, perkembangan ini

selaras dengan tumbesaran anak-anak Melayu yang membentuk suatu ‘hubungan’ yang mesra antara sastera dengan dunia kanak-kanak. Hal ini secara tidak langsung menyokong kenyataan Nha-Trang Cong-Huyen-Ton-Nu (1975: 646) bahawa cerita rakyat merupakan salah satu produk sastera Melayu yang berperanan penting untuk kanak-kanak.

Namun, kini masyarakat Melayu telah mengalami proses urbanisasi dan kemajuan teknologi sehingga menyebabkan budaya bercerita kurang dipraktikkan bahkan turut terpinggir. Hal ini separtimana yang dikatakan oleh Umar Junus (1993: 191) bahawa pada mulanya cerita neneh (cerita lisan) adalah cerita rakyat, tetapi telah “direndahkan”. Wujudnya sistem tulisan dan teknologi percetakan merupakan faktor penyebab kepada perubahan bentuk penyampaian karya sastera kini daripada budaya lisan primer seperti kata Noriah Taslim (2010: 17) yang merujuk kepada satu tahap masyarakat yang belum pernah disentuh oleh pengetahuan tulisan dan segala kemungkinan yang dicipta dan dibawa olehnya, kepada saluran bentuk tulisan. Walaupun turut diakui juga kesan daripada perkembangan teknologi ini telah menjadikan karya-karya sastera dapat disebarluaskan secara meluas dan menjadi satu bentuk yang paling popular dalam penulisan prosa maupun puisi sebagaimana yang dikatakan oleh Madiawati Mamat@Mustaffa dan Arbaie Sujud (2010) dalam tulisan mereka yang berjudul *Transformasi Medium dari Tradisi Lisan, Teks dan Bentuk Multimedia dalam Cerita Unggas*. Namun secara sedar, keadaan ini tidak dapat tidak telah mengikis tradisi lisan dalam masyarakat telah terbina turun-temurun.

Parahnya lagi apabila generasi kini terutamanya golongan kanak-kanak lebih menggemari animasi, komik atau cerita fantasi dari luar seperti Jepun dan negara Barat. Perkara ini, jelas menunjukkan bahawa bahan cerita dari luar begitu ‘expensive’ berbanding cerita rakyat tempatan. Masalah ini turut diakui oleh Khadijah Rahmat (2006: 67) bahawa perhatian dan penceritaan semula buku sastera cerita rakyat tempatan sekitar tahun 1901-1982 di Malaysia dan Singapura hanya tertumpu pada cerita yang popular sahaja termasuk cerita rakyat. Manakala usaha mengambil dan menterjemahkan cerita dongeng dari luar telah diperluaskan sehingga menenggelamkan penerbitan buku cerita rakyat tempatan.

Bersandarkan kenyataan yang telah dikemukakan sebelum ini, jelas memperlihatkan bahawa sastera rakyat terutamanya yang berbentuk prosa semakin kurang diminati oleh generasi kini terutama golongan kanak-kanak. Selain berdepan dengan tekanan arus urbanisasi dan teknologi canggih, tradisi lisan turun temurun ini terpaksa berhadapan dengan sikap dan pandangan serong generasi muda Melayu khususnya, yang mula melihat cerita rakyat tidak lebih daripada kisah dongeng. Melihat situasi ini, Hassan Omar [seterusnya Hassan] (2003) dengan tegasnya menyangkal pandangan negatif sesetengah pihak terhadap sastera Melayu dan menganggap golongan tersebut sedang mengalami masalah minda. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

Pihak yang menyatakan kesusasteraan Melayu Tradisional tidak relevan dibawa pada zaman ini, sebenarnya adalah mereka yang mengalami krisis minda, tidak menyedari lagi akan nilai dan pandangan hidup sendiri, jati diri bangsanya, pemikiran dan pandangan hidup bangsanya.

(Berita Harian, 14 Oktober 2003)

Selain Hassan, Mohd Haidi Mohd Kasran juga turut tampil memberi pencerahan bahawa sastera bukanlah suatu ilmu yang mengajar untuk berfantasi atau berkhayal dengan kisah-kisah yang menghiburkan. Sepertimana menurut Mohd Haidi Mohd Kasran [seterusnya Mohd Haidi] (2011) bahawa:

Karya-karya sastera sama ada untuk kanak-kanak, remaja atau dewasa mempunyai matlamat untuk mendidik dan membangunkan diri manusia, baik dari segi personaliti, pemikiran atau kebahasaan.

(Berita Harian, 1 April 2011: 30-31)

Kenyataan daripada Mohd Haidi ini secara tidak langsung menunjukkan kepada masyarakat dewasa bahawa karya-karya sastera begitu penting kepada perkembangan diri kanak-kanak. Malah, ramai pengkaji sastera kanak-kanak termasuk ahli pengkaji psikologi juga berpandangan bahawa melalui cerita bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan bahkan berperanan besar dalam kehidupan kanak-kanak itu sendiri. Hal ini kerana, melalui nilai-nilai yang terpapar dalam bacaan sastera, kanak-kanak lebih mampu menterjemahkan persoalan hidup realiti yang bakal ditempuhi. Hal ini, Karen Sanchez-Eppler (2011: 159) ada menegaskan seperti yang dapat dilihat dalam petikan yang diberikan:

Children's literature of socialization; produced and marketed for children and consumed by them, it offers a prime instance of cultural reproduction.

(Karen Sanchez-Eppler, 2011: 159)

Bahkan, perkara ini pernah dijelaskan oleh A. Teeuw (1992: 9) lewat bukunya yang berjudul *Membaca dan Menilai Sastera* bahawa:

Dalam masyarakat tradisional, sastera adalah alat yang sangat penting untuk mempertahankan model dunia yang sesuai dengan adat istiadat dan pandangan dunia konvensional dan untuk menanamkan pada angkatan muda (generasi muda) kod nilai tingkah laku, kod etika...

(A Teeuw, 1992: 9)

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sebagai Agen Pengembang Sastera Kanak-kanak

Menyingkap kembali di awal penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (seterusnya DBP), sejak ditubuhkan pada tahun 1956 sehingga kini telah menjadi nadi utama dalam usaha menerbitkan buku bukan sahaja untuk bacaan dewasa, bahkan untuk bacaan remaja dan kanak-kanak. Sebagai sebuah badan pembina, pengukuh dan peningkatan korpus sastera, DBP telah membina matlamatnya untuk mengukuhkan dan meningkatkan korpus sastera dalam bidang karya moden dan tradisional, teori sastera

biografi, kepengarangan, kajian perbandingan untuk memenuhi keperluan sastera Melayu sebagai sastera kebangsaan di dalam negara dan warga sastera dunia di peringkat antarabangsa (2002). Justeru, boleh dikatakan bahawa salah satu tugas utama badan ini ialah menyediakan bacaan untuk kanak-kanak (Umar Junus, 1993: 192) meskipun terdapat juga beberapa penerbitan swasta seperti Penerbit Federal, Penerbit Nusantara, Fajar Bakti, Eastern University Press, Edukid, Longman, Macmillan, Oxford University Press dan sebagainya sama-sama mengambil peluang mengisi keperluan bahan-bahan bacaan masyarakat di negara ini khususnya dalam penerbitan buku bacaan kanak-kanak.

Namun seperti kata Puvana (2000: 3), perkembangan dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak masih lagi kurang berbanding dengan bidang sastera dewasa. Malah, hal ini turut sama diakui oleh Sohaimi Abdul Aziz dan Rohaya Md Ali (2011: 30) iaitu berdasarkan penelitian yang dibuat, mereka mendapati:

... bidang sastera kanak-kanak sudah berkembang pesat sejak tahun 1970-an, tetapi sebagai satu bidang pengajian atau disiplin akademik masih belum bercambah di Malaysia... Perkembangan bahan bacaan kanak-kanak tidak boleh diperkaya tanpa kajian dan penyelidikan dalam usaha mencari jalan untuk meningkatkan mutu pengeluaran.

(Berita Harian, 14 April 2011: 30)

Sememangnya, pelbagai perkara yang telah dijalankan oleh pihak DBP dalam usaha mengembangkan sastera kanak-kanak negara. Antaranya, DBP turut mengadakan pelbagai peraduan dan bengkel penulisan buku kanak-kanak, seminar kesusasteraan kanak-kanak di pelbagai peringkat, penyelidikan ilmiah kritikan dalam sastera kanak-kanak dengan kerjasama pelbagai institusi pengajian tempatan mahupun luar negara, terjemahan bahan dan juga mempelbagaikan bentuk penyampaian bahan bacaan kanak-kanak.

Penyataan Masalah

Berdasarkan tulisan Hamzah Hamdani (1977: 28) salah satu isu yang dibangkitkan di kalangan peserta-peserta “Bengkel Penulisan Buku Kanak-kanak” anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1977 adalah masalah dari segi teknik penyampaian dan strategi pemasaran buku kanak-kanak yang berkesan. Sememangnya, masalah mutu dalam penghasilan buku kanak-kanak dan remaja juga bukan suatu isu yang baharu pada tahun berkenaan. Bahkan ianya terus menerus dibangkitkan pada tahun-tahun berikutnya. Buktinya, menerusi dialog wawancara bersama Salleh Daud oleh majalah *Widya* pada Julai 1982 ada menyentuh tentang kemampuan penulis-penulis tempatan untuk menulis cerita kanak-kanak dengan baik. Perkara ini diakui sendiri oleh Hashim Awang (1987: 45) apabila beliau terpaksa membaiki semula kesalahan-kesalahan penulisan terutamanya dari segi plot, bahasa, isi cerita dan juga lukisan beberapa manuskrip yang diterimanya.

Sabtu tahun, pelbagai jenis pertandingan atau peraduan yang ditubuhkan bagi membuka penilaian untuk buku kanak-kanak dan remaja tempatan. Buku-buku yang dipertandingkan akan dinilai dari pelbagai aspek termasuklah dari aspek gaya penulisan seperti plot, penggunaan bahasa maupun tema yang dipersembahkan serta persembahan ilustrasi. Namun begitu, tidak bermakna isu atau permasalahan dalam penulisan buku terhenti di situ. Bahkan dengan wujudnya peraduan-peraduan ini, masalah ini semakin rancak di perkataan terutama di seminar-seminar penulisan atau persidangan sastera kanak-kanak dan remaja yang banyak dimonopoli oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Md Sidin Ahmad Ishak (2004), beliau menyatakan bahawa meskipun telah banyak karya kreatif dipertandingkan dalam Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia, namun panel hakim melaporkan bahawa mutu buku dalam kategori kanak-kanak jauh daripada memuaskan malah penerbitan buku juga dikatakan bersifat sambil lewa. Hanya penyampaian ilustrasi, susunan dan juga warna sahaja yang dilihat mempunyai kemajuan dan menjadi penawar.

Isu kelemahan dalam penulisan sastera kanak-kanak masih lagi berterusan apabila perkara ini turut dibangkitkan dalam pertandingan yang sama pada tahun berikutnya. Hal ini jelas kelihatan apabila ahli-ahli panel melahirkan rasa kecewa terhadap mutu penerbitan buku yang dipertandingkan pada tahun tersebut sehingga tidak berupaya mengesan buku yang baik apatah lagi bermutu dalam kategori kanak-kanak dan remaja. Keluhan ini menggambarkan sikap penerbit dan penulis yang sangat tidak prihatin dengan komen-komen yang diberikan oleh panel hakim pertandingan dan ternyata sikap ini amat merugikan bagi industri penerbitan buku kanak-kanak dan remaja di Malaysia yang sangat kecil dan sering diperlekehkan ini.

Memasuki alaf 21, banyak pertandingan dan anugerah diwujudkan dalam usaha menarik dan mempergiatkan lagi industri penerbitan buku kanak-kanak dan remaja. Demikian juga, hal ini secara tidak sengaja dapat menarik minat dan penyertaan penulis-penulis baru untuk bersaing secara sihat dan mempromosikan karya kreatif mereka di persada negara. Salah satu anugerah yang dilancarkan pada tahun-tahun tersebut ialah Anugerah Buku Pustaka Negara yang julung kali diperkenalkan pada tahun 2004. Dengan hanya sebanyak 32 buah naskhah telah diterima untuk dinilai dan disaring, ia secara tidak langsung memperlihatkan bahawa penerbitan buku kanak-kanak semakin membimbangkan. Hal ini demikian kerana syarikat-syarikat penerbitan lebih mementingkan bahan bacaan yang bersifat teks, buku ulang kaji dan buku rujukan pelajaran sahaja. Justeru itu, panel hakim berpendapat bahawa mutu buku kanak-kanak di Malaysia masih belum memuaskan dari segi kandungan dan keadaan fizikalnya.

Hal yang sama turut berlaku dalam Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2010/2011 yang mana jumlah karya yang dihantar juga agak kecil sehingga menyukarkan penilaian dan saringan dibuat oleh ahli panel. Secara keseluruhannya, panel hakim mengulas bahawa terdapat pelbagai tema yang cuba disampaikan dalam karya-karya yang dinilai namun keadaan struktur karya yang tidak lengkap dan saling tidak menyokong antara sama lain telah membantutkan usaha penulis. Selain kelemahan dari segi pengolahan, penulis turut dinasihatkan supaya memberi perhatian serius ketika mengaitkan nilai estetika, moral serta pengetahuan semasa dengan dunia kanak-kanak dalam penulisan mereka. Tahun berikutnya, Hadiah Sastera Perdana

Malaysia 2012 memperlihatkan sedikit perkembangan terutamanya dalam kategori buku kanak-kanak dan remaja (fokus buku bergenre prosa) yang dipertandingkan. Dari segi gaya penyampaian, ahli panel bersepakat mengatakan bahawa karya masih belum memuaskan. Penulis terlalu ghairah mahu menyampaikan nilai dan peringatan sehingga jelas memminimumkan nilai estetika yang turut penting dalam penulisan. Hal ini secara tak langsung memperlihatkan bahawa cerita yang disampaikan tidak realistik dan seolah-olah disengajakan di samping penggunaan bahasa yang santai secara berlebihan turut mencetus kerancuan dalam penulisan.

Manakala berdasarkan laporan pada tahun 2013 pula menunjukkan bahawa karya yang dinilai sudah mula memperlihatkan kemampuan para penulis dalam memahami tuntutan jiwa pembacanya. Manakala dari pemilihan tema dan plot yang digunakan tidak begitu rencam. Walau bagaimanapun, karya yang dihasilkan masih lagi mampu memancarkan pemikiran pembaca. Selain itu, dari sudut penggunaan bahasa dilihat mudah difahami dan sesuai dengan struktur ayat. Kesimpulannya, berdasarkan daripada keseluruhan laporan peraduan dan anugerah-anugerah buku sastera yang dikeluarkan, aspek yang sering dibangkitkan oleh para panel rata-ratanya menyentuh soal mutu penerbitan dan penulisan yang kurang memberangsangkan.

Ekoran daripada permasalahan dalam penerbitan dan penyampaian cerita yang dihadapi ini juga telah menerbitkan pelbagai permasalahan lain yang antaranya telah membawa persepsi-persepsi negatif terhadap sastera terutamanya bagi golongan kanak-kanak dan remaja. Bahkan, sejak akhir-akhir ini golongan muda mula menunjukkan rasa bosan ketika membaca karya-karya sastera terutama sastera tradisional yang sukar untuk difahami dari segi penyampaian bahasa, laras bahasa juga teks yang mengandungi banyak maksud tersirat. Hal ini turut diakui Halimah Hasan lewat *Berita Harian* pada 21 Jun 2005. Sekiranya hal ini terus dibiarkan tanpa sebarang tindakan oleh pihak-pihak terbabit, dikhawatiri dunia sastera khususnya sastera lama akan terus terbelakang seolah-olah “hidup segan mati tak mahu” seperti yang didakwa oleh Syed Abdullah Syed Sulaiman [seterusnya Syed Abdullah] (2011: 9). Walhal menurut beliau, sastera rakyat mendatangkan banyak kelebihan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak yang sedang mengalami proses perkembangan psikologi dalam diri mereka. Penjelasan Syed Abdullah ini secara tidak langsung membenarkan kenyataan Nor Aziah Abd. Hamid (1989) bahawa:

Bidang sastera kanak-kanak sudah wujud zaman berzaman, tetapi ia berasaskan kepada karya sastera orang dewasa termasuklah cerita rakyat. Banyak cerita orang dewasa telah diubahsuai untuk kanak-kanak.

(Nor Aziah Abd. Hamid, 1989)

Selain berperanan sebagai bahan hiburan dan didikan bersifat santai, sastera juga sebagai wahana untuk meningkatkan rasa cinta terhadap negara dan bangsa sendiri. Ini diperkuatkan lagi dengan saranan daripada Profesor Madya Dr. Mahzan Arshad dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 4 Disember 2006, agar penulisan buku untuk kanak-kanak sehingga berusia 12 tahun perlu digalakkan kerana ia mampu membimbing kanak-kanak menghadapi kehidupan dalam masyarakat yang literasi serta memberi hiburan intelektual kepada golongan itu. Oleh itu, penulis harus memainkan

peranan yang bijak serta sentiasa berusaha mendalamai dunia kanak-kanak agar dapat menghasilkan karya yang dapat menarik hati golongan tersebut.

Mahzan Arshad dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 4 Disember 2006 telah mendedahkan beberapa ciri utama yang harus terkandung dalam sebuah buku kanak-kanak, antaranya ialah “bahasa yang mudah dan ringan, ilustrasi yang menarik, teknik penceritaan yang mudah dan plot yang mudah”. Manakala Lee Kim Hong (2005) pula lebih menitikberatkan plot sesebuah cerita supaya lebih jelas bagi memudahkan pemahaman terhadap idea tersurat dan idea tersirat. Hal ini selari dengan pendapat Jeniri (1988), yang menyatakan bahawa struktur dan plot bahan sastera mestilah mudah, tidak terlalu kompleks dan mempunyai ketegangan yang dapat menawan dan mengekalkan minat membaca pelajar (Lee Kim Hong, 2005: 12).

Namun begitu, bagi Julia Unggai (1992) sikap penulis sendiri yang kurang menjiwai dunia kanak-kanak dan tidak memiliki pengetahuan dalam ilmu psikologi kanak-kanak juga menjadi antara penyebab kualiti atau mutu penghasilan buku bacaan kanak-kanak masih lagi berada di tahap sederhana. Malah, Hasyim Awang (1987:45) turut menegur mengenai penciptaan buku sastera kini banyak tidak didasarkan kepada bentuk cerita kanak-kanak yang jelas dan konkrit serta bertunjangkan kepada psikologi jiwa dan kehidupan kanak-kanak sendiri. Manakala, Pengerusi Jawatankuasa pengangur Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2004 (*Harian Metro*, 2004) pula percaya bahawa punca permasalahan dalam penyampaian buku kanak-kanak ini berlaku adalah disebabkan terdapatnya segelintir penerbit di Malaysia yang selalu menjadi bidan terjun dan menyebabkan buku yang dihasilkan gagal menarik perhatian pembaca khususnya golongan kanak-kanak. Tambah beliau lagi, ketiadaan perancangan rapi sebelum menerbitkan sesebuah buku juga menjadi faktor yang menggagalkan usaha kerajaan untuk menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya.

Sememangnya, penulis dan penerbit buku kanak-kanak juga memikul tugas yang berat kerana mereka terpaksa kembali ke alam kanak-kanak untuk menjiwai kanak-kanak bagi menghasilkan karya yang berkesan oleh jiwa “muda” pembacanya. Hal ini, sepertimana yang dikatakan oleh Margery Fisher (1962) bahawa cerita kanak-kanak sebaiknya-baiknya mestilah ditulis dari hati serta dari kenangan dan ingatan semasa zaman kanak-kanak. Molina S. Nijhar (1993: 11) pula menganggap penulisan yang baik adalah yang mempunyai daya tarikan bercerita yang unik, menyeronokkan, penuh dengan drama dan dialog. Di samping itu, sepertimana pendapat Misran Rokimin (2005: 31), cerita yang dipaparkan perlulah membawa sesuatu yang optimis dalam hidup dan tidak menyediakan dan menekan perasaan kanak-kanak.

Secara empiris, sastera sebagai satu alat yang menyampaikan pendidikan moral kepada kanak-kanak. Melaluinya, amalan membaca dapat diterapkan dalam diri mereka bahkan ia merupakan satu sikap yang perlu disemai sejak kecil lagi seperti kata bijak pandai dahulu kala “sedang rebung baik dipatah, jadi buluh melepuh jari”. Oleh itu, penulis perlu memastikan pemikiran yang ingin disampaikan itu ke arah mendidik dan bagaimana untuk menyampaikan pemikiran itu supaya menarik (dari sudut teknik) dan terkesan di hati pembacanya yang terdiri daripada golongan cilik. Mereka juga perlu bijak menerokai sumber-sumber yang ada dan tidak terlalu bergantung harap,

menunggu kemunculan idea-idea baru untuk menulis. Bagi Hassan Ahmad (1966: 63), cerita rakyat adalah pati cerita rekaan tempatan kerana unsur-unsur setempat dalam cerita rakyat banyak menggantikan unsur serta tema sastera klasik yang kebanyakannya terlalu berat dan asing kepada rakyat yang tidak mengenal sastera tulisan.

Selain mempunyai tema yang mudah dan ringan, sastera rakyat memiliki pelbagai kelebihan yang tersendiri yang boleh dijadikan sebagai panduan dan inspirasi kepada penulis untuk berkarya. Bahkan, menurut Hassan Ahmad (1984: 60-61) lagi dengan melihat isi pemikiran dan keindahan bahasa yang terdapat dalam sastera rakyat, beliau yakin karya sastera rakyat merupakan contoh sumber inspirasi terbaik dalam menghasilkan bahan bacaan yang berkualiti. Kyoto Matsuoka (Hamzah Hamdani, 1977: 29) seorang pustakawan buku kanak-kanak dari Asian Cultural Centre for UNESCO Tokyo juga pernah menyatakan bahawa seorang penulis haruslah mengambil motif dan pola cerita-cerita rakyat iaitu unsur pengulangan akan menarik minat dan menimbulkan rasa ingin tahu kanak-kanak sebagai salah satu cara yang dapat menarik pembaca kanak-kanak terhadap sastera rakyat. Pendapat ini jelas membuktikan bahawa kelebihan yang terdapat dalam sastera rakyat terutamanya dari segi teknik penyampaianya juga boleh dijadikan sumber terbaik dalam usaha menulis buku cerita kanak-kanak. Meskipun, ada pihak merasakan sastera rakyat adalah sastera bercorak lama, namun Yahya Ismail (1967) tetap berkeras menyatakan bahan-bahan cerita yang baik tidak semestinya yang serba baru meskipun, umumnya sifat manusia sangat gemar sesuatu yang baru. Hal ini kerana, dalam dunia sastera, bahan-bahan cerita yang lama dan biasa juga mampu menarik hati sekiranya penulis bijak mengolah bahan-bahan cerita tersebut.

Mohd Affandi Hassan (1994: 73) pernah menjelaskan bahawa kewujudan sastera memang tidak terkeluar dari tiga aspek utamanya dan salah satunya ialah aspek seni yang membicarakan tentang keindahan dari segi kreativiti pengolahan dan persembahan (*style*), teknik penulisan, seni mengarang, tentang kemahiran mencipta dan melahirkan bentuk baru dalam bahasa; pokoknya mengenai struktur keseluruhan sastera itu sebagai satu penghasilan seni penulisan. Oleh hal demikian, bersandarkan sorotan pendapat dan permasalahan yang dikemukakan, pengkaji merasakan perlu ada satu kajian mengenai teknik penulisan dalam cerita rakyat. Hal ini juga turut disokong oleh beberapa alasan lain. Antaranya, seperti yang dikatakan oleh Hasyim Awang (1987: 45-46) ramai penulis masih lemah dalam menulis cerita untuk kanak-kanak dan kelemahan dari segi plot merupakan salah satu masalah yang sering diperkatakan. Tambah beliau, kebanyakan penulis meninggalkan keseluruhan bentuk penceritaan lama yang melebihkan unsur-unsur fantasi, dan khayalan dan mengurangkan unsur-unsur logika dan realistik kerana terlalu ghairah untuk mencuba gaya penulisan baharu meskipun tidak bermanfaat dan berkesan. Walaupun cerita rakyat membawa imaginasi kanak-kanak ke alam fantasi dan kadang kala menampakkan kebodohan, tetapi sepertimana pandangan Nicholas Tucker dalam bukunya *The Child and The Book* (1981) menyatakan bahawa bentuk cerita sebegini memiliki daya tarikan yang kuat kepada kanak-kanak dan tidak sewajarnya keinginan membaca cerita sedemikian disekat. Oleh itu, Hasyim Awang (1987: 46) menegaskan bahawa teknik penceritaan lama masih tetap boleh diterapkan dengan baik lagi segar untuk sesetengah cerita kanak-kanak. Penegasan beliau ini jelas membuktikan keperluan setiap penulis untuk menguasai teknik dan bentuk sastera lama bagi tujuan memperkuuhkan lagi minat dan penghayatan mereka ketika menulis tentang dunia kanak-kanak.

Alasan seterusnya ialah kerana karya sastera merupakan sumber pendidikan penting dalam memberikan pembentukan moral kanak-kanak. Oleh itu, persempahan karya sastera yang bersifat ‘kosmetik’ semata-mata tidak memenuhi keperluan pembacanya. Sedangkan kanak-kanak harus disediakan pelbagai persoalan dewasa sebagai bekalan teladan untuk menempuh frasa alam dewasa. Sastera kanak-kanak sebagaimana yang dikatakan oleh Savage dalam bukunya *For the Love of Literature* (2000: 10) bukan sahaja memberikan kesan kepada pembangunan kognitif atau bahasanya, malahan juga pembangunan personal dan sosial seseorang kanak-kanak itu (Misran Rokimin, 2005: 31). Oleh sebab itu, Mohd Affandi Hassan (1994: 73), turut menyatakan aspek moral (isi kandungan dan mesej pengarang) sebagai aspek utama yang penting ketika mengkaji karya sastera.

Berlandaskan pendapat ini, pengkajian ini juga perlu melihat buah fikiran yang ingin disampaikan pengarang dalam cerita rakyat kanak-kanak. Mampukah *moral value* (pemikiran pengarang) yang disampaikan tercerap mudah oleh pembaca kanak-kanak? Seterusnya, gaya penulisan bagaimakah yang mampu memikat hati pembaca kanak-kanak untuk terus membaca sastera rakyat? Bagaimana pengarang berupaya mengolah cerita supaya menjadikannya menarik dan mesej dapat disampaikan dengan jelas kepada kanak-kanak. Sememangnya, kunci perbezaan penulisan untuk orang dewasa dengan penulisan untuk kanak-kanak menurut Awang Had Salleh (1993: 95) ialah kemudahan atau *simplicity*, namun bukan mudah untuk menulis mudah. Ini kerana, hanya kemampuan dalam mengolah pemikiran dan mendayagunakan teknik penulisan dapat menentukan keberhasilan sesebuah karya sastera itu.

Selanjutnya, kajian ini lebih kepada keinginan pengkaji untuk memperbaiki rompang-rompong yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu. Setelah menjalankan *literature review*, pengkaji menyedari masih kurang kajian mengenai gaya penulisan dalam sastera rakyat. Adapun kajian gaya dibuat, kebanyakannya lebih memberatkan kepada kajian gaya bahasa (bidang linguistik) ke atas karya-karya sastera. Oleh itu, pengkaji berpendapat mengitar semula cerita rakyat tempatan sesuai dengan keperluan dunia hari ini, dengan fikiran-fikiran moden serta dengan penghidupan kebangsaan sendiri bukan sahaja boleh meluaskan pemikiran dalam bacaan kanak-kanak dan meningkatkan tahap intelektual mereka bahkan juga untuk orang dewasa kini. Hal ini sesuai dengan kenyataan Muhammad Haji Salleh (1997: 85) bahawa penggunaan kembali bentuk-bentuk sastera tradisional ialah suatu penyataan jati diri.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti gaya penyampaian dalam cerita rakyat kanak-kanak dalam majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
2. Menganalisis gaya penyampaian cerita rakyat kanak-kanak dalam Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kepentingan Kajian

Justeru itu, diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya kepada murid sekolah rendah agar lebih bersemangat membaca selain dapat meningkatkan kemampuan kreativiti berfikir mereka dalam memahami maksud dan pemikiran yang ingin disampaikan melalui cerita rakyat tempatan. Kajian ini difikirkan sangat membantu kepada para guru ketika dalam proses penyampaian dan pengajaran mereka. Menerusi kajian ini, diharapkan dapat membuka jalan agar penyampaian dan pengajaran cerita rakyat lebih kreatif dan menarik perhatian para murid. Secara tidak langsung, dapat menambahkan minat murid terhadap sastera Melayu yang kian hari dipandang sepi oleh masyarakat khususnya bangsa Melayu sendiri.

Selain itu, kepada penulis buku cerita rakyat kanak-kanak mahupun pihak penerbit juga boleh menjadikan kajian ini sebagai satu panduan dan menambah pengalaman praktis untuk menghasilkan buku yang lebih sesuai dengan jiwa kanak-kanak selain membantu memartabatkan cerita rakyat tempatan di persada negara.

Batasan Kajian

Dalam kajian yang terbatas ini, hanya cerita rakyat Malaysia yang bertulis sahaja digunakan oleh pengkaji sebagai bahan kajian untuk melihat dan menganalisis gaya penyampaian yang diterapkan. Cerita rakyat yang dipilih, asasnya telah diterbitkan dalam majalah Dewan Pelajar [seterusnya DP]. Alasan utama pengkaji ingin mengkaji cerita rakyat Melayu terbitan majalah *DP* kerana melihat pada motif utama penerbitan majalah tersebut yang berkonsepkan majalah akademik untuk kanak-kanak. *DP* mula diterbitkan pada tahun 1967 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bertujuan untuk menyebar luas ilmu pelbagai bidang mahupun lapangan sekali gus menggalakkan tabiat suka membaca, belajar, membuat kajian, berfikir secara kreatif dan kritis. Di samping itu juga, majalah *DP* turut berperanan sebagai tempat kanak-kanak mengembang bakat serta daya kreatif dalam dunia penulisan.

Keduanya, pengkaji menyedari bahawa cerita rakyat yang disiarkan dalam ruangan majalah *DP* lebih mudah mendapat perhatian dan digemari oleh pembacanya. Buktinya, seawal penerbitan *DP* hingga kini, jika dilihat pada surat-surat pembaca yang tersiar dalam ruangan “Surat Adik-adik”, cerita rakyat mendapat komen positif daripada pembacanya yang rata-ratanya menjadikan ruangan “Cerita Rakyat” sebagai ruangan kegemaran mereka. Malahan, sering kali ucapan terima kasih dititipkan kepada editor majalah kerana telah menjadikan cerita rakyat sebagai kandungan wajib dalam *DP*.

Bertitik tolak daripada penerimaan positif inilah, pengkaji merasakan perlu diadakan satu kajian yang melihat sudut-sudut yang telah menarik minat golongan kanak-kanak untuk terus membaca *DP*. Sebanyak 21 buah cerita rakyat tempatan yang tersiar dalam *DP* terbitan DBP yakni bermula dari tahun 2004 hingga 2013 akan digunakan sebagai

subjek kajian. Secara tidak langsung, cerita rakyat luar negara (yang diterjemahkan mahupun diceritakan semula) tidak terangkum dalam pengkajian ini. Hal ini seiring dengan tujuan pengkajian yang bukan sahaja menilai dari sudut gaya penyampaian cerita malah turut juga melihat dari aspek moral dan kebudayaan tempatan yang tersisip dalam cerita rakyat Melayu yang tersiar dalam majalah DP terbitan DBP. Antara judul cerita rakyat Melayu yang akan dikaji adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Judul Cerita Rakyat	Tahun
1.	Baju baru raja	2004
2.	Isteri Si Penjual Garam	2004
3.	Peperangan Kucing Dengan Tikus	2004
4.	Raja Muda dan Puteri Burung Kuau	2006
5.	Arnab yang Bijak	2006
6.	Pengembaraan Putera Raja	2006
7.	Kisah Chapi dan Si Bongsu	2006
8.	Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam	2006
9.	Putera Belanak dan Puteri Bongsu	2007
10.	Tajamnya Akal Sang Ketam	2008
11.	Hashim Yang Cerdik	2008
12.	Asal Mulanya Burung Tekukur	2009
13.	Penenun Rambut	2009
14.	Kisah Semut dan Kerengga	2010
15.	Kucing dan Ilmu Memanjang	2010
16.	Si Anak-anak dengan Hampa Padi	2010
17.	Dadu dan Didi Membunuh Gergasi	2012
18.	Tiga Pilihan	2012
19.	Kisah Seuncang Padi	2013
20.	Balasan Orang Kaya Tamak	2013
21.	Guri Emas dan Isteri Cerdik	2013

Jadual 1: Judul cerita rakyat terbitan Majalah Dewan Pelajar yang dikaji.

Manakala batasan aspek dalam kajian ini ialah untuk melihat gaya penyampaian plot cerita, penggunaan bahasa, nilai pendidikan dan juga lakaran ilustrasi dalam cerita rakyat yang dikaji. Pemilihan ini dilakukan seiring dengan permasalahan yang dibangkitkan oleh para editor, panel hakim pertandingan dan juga pengkaji cerita kanak-kanak tempatan seperti yang telah dibincangkan dalam ruangan penyataan masalah sebelum ini.

Kaedah Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kualitatif akan digunakan. Menurut Yeap Keng Leng (2000: 25) kajian kualitatif ialah satu proses inkuiri *interpretative* untuk memahami fenomena atau isu sosial dengan menonjolkan keunikan kritikal persekitaran kajian. Manakala, untuk melihat aspek dalaman cerita rakyat yang bersifat tekstual, maka pengkaji berpendapat sangat wajar sekali kaedah kumpul data digunakan untuk analisis isi atau teks ketika meneliti gaya penulisan atau penyampaian cerita rakyat Melayu kanak-kanak dalam majalah *DP* yang dikaji. Kebanyakan sumber yang menjadi rujukan pengkaji untuk kaedah ini dikutip daripada buku-buku, jurnal, majalah, akhbar, kertas kerja, laman web dan tesis turut dirujuk bagi menambah maklumat sokongan dalam dapatan.

Dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini, teori psikologi perkembangan kanak-kanak digunakan. Pemilihan metode teori ini seiring dengan pandangan Lim Swee Tin (2009: 216) bahawa karya sastera tidak terlepas daripada penerapan unsur psikologi. Malahan, psikologi perkembangan merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji perlakuan, pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Bahkan, perkembangan yang dimaksudkan ini termasuklah perkembangan dari segi fizikal, motor, mental, bahasa, permainan, personaliti dan juga sosial kanak-kanak. Selain itu, bidang ini turut mementingkan keadaan pembelajaran serta keadaan yang mendatangkan kesan kepada pembelajaran tersebut. Psikologi juga satu bidang yang melihat keberkesanan sesuatu cara dalam menyampaikan pengajaran kepada kanak-kanak supaya mendapatkan kesan pembelajaran yang berpanjangan.

Menurut Santrock (2004) yang dipetik daripada tulisan Siti Rukiah Jaafar (2007: 18) menyatakan bahawa antara teori-teori perkembangan utama yang berkait rapat dengan perkembangan awal kanak-kanak meliputi Tugas perkembangan Robert Havighurst, Teori Psikologi Freud, Teori Klasik Pavlov, Teori Kognitif Piaget, Teori Kognitif Sosiobudaya Vygotsky, Teori Tingkah Laku Skinner, Teori Psikoanalisis Ericsson, Teori Etiologi Lorens, Teori Bandora, Teori Pemprosesan Maklumat, Teori Ekologi Bronfenbrenner dan Teori Sosial Kognitif.

Definisi Operasional

Pelbagai definisi atau konsep turut diperjelaskan agar bidang kajian ini lebih teratur dan menepati motif kajian pengkaji. Definisi atau konsep yang akan dikemukakan ini berlandaskan kepada bahan-bahan rujukan serta kutipan pendapat tokoh juga sarjana. Oleh kerana kajian ini tertumpu kepada gaya penulisan dalam cerita rakyat kanak-kanak tempatan, maka pengkaji turut mengutip dan menghuraikan apa yang dimaksudkan dengan gaya ataupun *style* dalam penulisan dan definisi cerita rakyat mengikut pendapat sarjana mahupun tokoh dalam bidang yang berkaitan.

Gaya dan Gaya Penyampaian atau Penulisan

Secara etimologis *stylistics* berkaitan dengan *style* ataupun gaya. Menurut Aminuddin (2009: 72), istilah gaya diambil dari istilah *style* yang berasal dari bahasa Latin *stilus* yang bermaksud alat untuk menulis. Manakala, perkataan *Stylistics* pula mengikut kenyataan daripada Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 1) ialah suatu kajian stail yang melibatkan kajian bentuk atau bahasa dan kajian isi dalam kesusasteraan, yakni kajian yang berfokuskan teknik pemakaian bahasa dalam penulisan dan teknik yang mengkaji segala kemungkinan yang berkait dengan gaya bahasa penulisan kesusasteraan dalam memahami sesebuah teks sastera. Definisi ini bertepatan dengan apa yang disebut oleh Pradopo (2005: 161) dalam bukunya *Beberapa Teori Sastra, Metode, Kritik, dan Penerapannya*, yang menyatakan gaya dalam ini (yang dimaksudkan) tentu saja mengacu pada pemakaian atau penggunaan bahasa dalam karya sastera.

Dalam *Glosari Istilah Kesusasteraan* (1988: 88) pula gaya bermaksud susunan kata-kata atau pengucapan yang menggambarkan keperibadian seseorang pengarang termasuk idea dan maksud dalam fikirannya. Walaupun seseorang penyair itu mengangkat persoalan yang sama dalam bahasa yang sama tetapi perbezaan gaya menyebabkan sesebuah sajak itu berbeza. Jika terdapat persamaan ciri, kemungkinan berlaku unsur pengaruh atau imitasi.

Umar Junus (2010: 2) dalam *Gaya Bahasa Sastera Melayu* memaknakan gaya sebagai satu cara untuk menyatakan sesuatu yang lain daripada biasa tanpa kelainan makna. Beliau kemudiannya memberi contoh, orang pincang yang berjalan pincang, bukan merupakan gaya. Berbeza pula dengan orang yang tidak pincang tetapi berjalan picang. Ini merupakan gaya kerana pelaku tersebut mempunyai pilihan, sama ada mahu berjalan pincang atau berjalan seperti biasa.

Sementara seorang tokoh Indonesia, Suwardi Endraswara (2003: 71) pula menyatakan gaya adalah segala sesuatu yang “menyimpang” dari pemakaian biasa. Penyimpangan tersebut bertujuan untuk keindahan dan ianya kerap dilihat dalam karya sastera. Hal ini kerana, sastera memang syarat (sarat) dengan unsur estetik dan daripadanya (unsur) dapat menimbulkan manipulasi bahasa, plastik bahasa dan kado bahasa sehingga mampu membungkus rapi gagasan penulis. Othman Puteh (1994: 1) telah meringkaskan bahawa stail sebagai suatu cara atau gaya melakukan sesuatu dalam bidang karang-mengarang. Manakala Burhan Nurgiyantoro (2000: 277) pula menyatakan hakikatnya stail merupakan teknik yakni teknik pemilihan ungkapan kebahasaan yang dirasa dapat mewakili sesuatu yang akan diungkapkan. Pendapat Burhan ini seakan sama dengan definisi yang diberikan oleh A. Hamid Lubis (1994: 172) yang menyatakan stail adalah cara penulisan seseorang yang berbeza dari yang lain baik pemakaian kalimat, pemilihan kata-kata, pemakaian ungkapan dan lain-lain yang dipilih oleh pengarang sehingga dengan hal itu ia berbeza dari pengarang lain.

Namun begitu, M. K. Danziger dan W. S. Johnson (1991: 48) dalam *Pengenalan Kritikan Sastera* pula mendefinisikan istilah stail sama ada yang digunakan ke atas

prosa ataupun puisi tidak harus dikelirukan dengan perkataan yang lebih umum, iaitu teknik. Mereka menjelaskan, yang dimaksudkan dengan teknik ialah segala cara yang digunakan (oleh pengarang) untuk melahirkan sesebuah struktur karya kesusastraan (termasuklah penyusunan plot, cara melukiskan watak, pembentukan dan perubahan sudut pandangan, penggunaan latar dan pengemukaan alegori, symbol, dan termasuk juga stail). Bagaimanapun apabila berbicara tentang stail, ia lebih tertumpu kepada teks penulisan karya sastera itu misalnya penggunaan bahasa, pemilihan kata, imejan, sintaksis, dan juga nada.

Manakala, definisi penyampaian atau penulisan menurut Naapie Mat (1997: 36-37), adalah suatu proses melahirkan fikiran dan perasaan. Penulisan boleh dikatakan sebagai keterampilan bahasa yang tertinggi dan sukar untuk dikuasai kerana selain mengutamakan bahasa pengucapan yang tepat, ia juga mengutamakan perkara-perkara lain termasuk struktur yang berkesan. Keberkesanan sesuatu tulisan terletak pada bahasa yang mudah difahami oleh seseorang dan ini jelas menunjukkan bahawa penulisan turut melibatkan unsur psikologi yang tidak diperlukan sewaktu membaca.

Gaya dan penyampaian atau penulisan merupakan salah satu unsur yang menarik dalam sebuah bacaan. Setiap penulis mempunyai varia gaya yang tersendiri dalam menuangkan setiap idea tulisannya. Setiap tulisan yang dihasilkan pasti mempunyai gaya penulisan yang dipengaruhi oleh si penulisnya hingga boleh dikatakan watak dalam sesebuah karya sastera merupakan cerminan watak dan perwatakan si penulis.

Selari dengan itu, Aminuddin berpendapat bahawa gaya dalam karya sastera adalah cara seseorang pengarang menyampaikan gagasan pemikirannya (isi) melalui media bahasa yang indah dan harmonis serta mampu menuansakan makna dan suasana yang dapat menyentuh daya intelektual dan emosi pembaca. Hal ini bersangkutan dengan pendapat Gorys Keraf (1984: 113) yang menyatakan gaya adalah cara mengungkapkan diri sendiri, entah melalui bahasa, tingkah laku dan sebagainya.

Pengertian gaya oleh Scharbach yang dikutip daripada tulisan Aminuddin (2009: 72) sedikit berlebihan namun tidak terkeluar daripada konsep pengertian gaya. Hal ini kerana beliau menganggap gaya sebagai hiasan, sebagai suatu yang suci, sebagai sesuatu yang indah dan gemilai serta sebagai perwujudan manusia itu sendiri. Manakala, Wahyudi Siswanto (2008: 162) pula menganggap gaya penyampaian, penulisan ataupun penceritaan adalah mencakupi teknik penulisan dan teknik penceritaan. Tambah beliau, teknik penulisan adalah cara yang digunakan oleh pengarang dalam menulis karya sasteranya. Manakala teknik penceritaan adalah cara yang digunakan oleh pengarang untuk menyajikan karya sasteranya seperti teknik pemandangan, teknik adegan, teknik montase, teknik kolose dan teknik asosiasi.

Dalam konteks pemaknaan gaya penyampaian ini, Mohd Affandi Hassan (1994: 87) dalam *Pemikiran dan Pendekatan Dalam Kritikan Sastera Melayu Modern* memberi pendapat yang agak jelas tentang *style*. Beliau menegaskan *style* bukanlah hiasan seperti yang selalu difahamkan dari ‘gaya bahasa’, tetapi merupakan gabungan dari ilmu (daya intelek), institusi (perasaan dan visi) dan juga bakat. Ianya didorong rasa

keinginan dan kemahuan dalam menyatakan visi, sikap, falsafah, idea, atau pendapat dalam cara dan bahasa yang paling tepat untuk memberi pengertian yang paling bermakna.

Melalui kenyataan pendapat yang diberikan di atas, sebenarnya gaya penulisan secara umumnya dapat difahami maksudnya sebagai suatu cara yang diterapkan oleh pengarang melalui bakatnya dalam mengolah penulisannya dengan menggunakan ilmu pengetahuannya (bahasa yang tepat) mengenai hakikat alam dan kehidupan manusia (falsafah) sehingga mampu membentuk cerita yang menarik serta berupaya menyampaikan mesej (pemikiran) dengan benar dan jelas kepada khalayak pembacanya.

Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan khazanah bangsa yang kaya dengan nilai budaya dan akal budi lokal. Isi cerita yang terkandung dalam cerita rakyat amat berguna dan berperanan dalam pembentukan minda juga pemikiran khalayak pembacanya untuk meneruskan kelangsungan hidup yang penuh dengan cabaran ini. Cerita rakyat disebut juga sastera rakyat atau sastera lisan. Sastera rakyat sebenarnya merupakan suatu istilah yang diseajarkan dari perkataan Inggeris *folktales* atau mengikut istilah Alan Dundes (1965: 2-3) *folklore*. Perkataan *folk* membawa erti masyarakat manakala *lore* membawa maksud hasil dari kegiatan yang dikerjakan oleh masyarakat (Roslina Abu Bakar, 2013: 44). Sastera rakyat ialah hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang mengutamakan komunikasi secara lisan. Maka proses penurunannya daripada satu generasi ke satu generasi yang lain melalui lisan; pengkaryanya terdiri daripada rakyat biasa dan penyampai cerita pula ialah tukang-tukang cerita profesional yang digelar sebagai tok selampit, tok dalang atau penglipur.

Bartlett (1965: 244-245) dalam Harun Mat Piah et al (2006: 85) telah mendefinisikan sastera lisan sebagai sastera yang diperdengarkan. Oleh itu, sastera rakyat dikenali juga sebagai sastera lisan dan sifat lisannya itulah yang menentukan bahawa sastera itu sastera rakyat. Thompson Stith (1946: 4) pula berpendapat cerita rakyat sebagai *marchen*, merupakan sebahagian daripada sastera rakyat dan merangkumi keseluruhan bentuk prosa naratif yang telah diwarisi oleh sesuatu bangsa itu dari zaman lampau. Manakala Richard M. Dorson (1973) yang dipetik daripada tulisan Syed Abdullah Bin Syed Sulaiman (2011: 1) pula berpendapat *folk literature* turut dikenali dengan *oral literature* (kesusasteraan lisan) atau *verbal art* (seni tuturan) atau *expressive literature* (kesusasteraan ekspresif) yang merangkumi bahasa rakyat, nyanyian rakyat, cerita rakyat, puisi rakyat, ungkapan rakyat (peribahasa) dan semua prosa dan puisi tradisi, sama ada dalam bentuk cerita dan bukan cerita yang diperturunkan atau disampaikan secara lisan.

Rogayah A. Hamid (2007: xii), cerita rakyat merupakan penceran atau gambaran kehidupan masyarakat lama yang diwakilinya. Penceran atau gambaran itu meliputi sejarah dan budaya yang sekarang mungkin sudah mengalami sedikit sebanyak perubahan, baik secara evolusi maupun revolusi. Dengan kata lain, peradaban dan

perjalanan sejarah sesuatu bangsa itu dapat dilihat melalui cerita-cerita rakyat yang dimilikinya dan David L. Russell (2009: 184), menyatakan cerita-cerita ini merupakan *the tale were passed on by a community storyteller, one who was entrusted with the society's sacred myths, its heroic epic and legends, its moral tales, its history.*

Hadijah Rahmat (2006: 3) sastera lisan atau sastera rakyat, walaupun ditujukan khusus untuk santapan jiwa anggota-anggota masyarakat yang dewasa, telah tersebar luas dan turut diminati oleh kanak-kanak. Malah, dalam dunia masyarakat Melayu tradisional, cerita-cerita rakyat yang amat popular sekali ialah cerita-cerita jenaka (*farcical tales*). Perkara ini terjadi kerana menurut Hadijah Rahmat (2006: 17), cerita-cerita rakyat (*folktales*) mengandungi unsur-unsur fantasi, melibatkan alam ghaib yang penuh unsur ajaib, kudus dan memberi ketakjuban kepada audiensnya iaitu masyarakat tradisional yang secara tidak langsung telah menganggap kejadian cerita tersebut benar-benar terjadi suatu ketika dahulu.

Cerita rakyat terdiri daripada beberapa ciri. Antaranya seperti yang disebut oleh Hutomo (1986) berciri: (1) anonim; (2) materi cerita kolektif, tradisional, dan berfungsi khas bagi masyarakatnya; (3) mempunyai bentuk tertentu dan varian; (4) berkaitan dengan kepercayaan; dan (5) hidup pada masyarakat yang belum mengenal tulisan. Manakala Supratno (1990:18) pula menyatakan bahawa sastera lisan berciri: (1) anonim; (2) berversi atau bervariasi; (3) mempunyai bentuk tertentu; (4) berguna bagi kehidupan bersama; (5) bersifat polos atau lugu; (6) milik kolektif; dan (7) tradisional.

Manakala, memetik pandangan daripada Sastrowardoyo (1983: 2) melalui tulisan Suhartono dan lain-lainnya (2010: 304) dalam jurnal *UNAIR* dengan ringkasnya menyatakan bahawa ciri sastera lisan itu bersahaja dan lugas dalam bentuk lahir. Namun bagi James Danandjaja (1984: 50), terdapat juga cerita-cerita rakyat yang cirinya sukar untuk digolongkan dalam sesuatu kategori. Oleh itu, sekiranya cerita-cerita tersebut dilihat lebih memberat kepada mitos, maka cerita tersebut digolongkan ke dalam mitos dan begitulah seterusnya (Roslina Abu Bakar, 2013: 46).

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa cerita rakyat ialah cerita yang dituturkan secara lisan oleh masyarakat yang masih belum diterokai kehidupan tradisinya. Ianya berkembang secara diwarisi turun temurun dari generasi kepada generasi. Wahana cerita rakyat berbentuk lisan yang dituturkan berulang-ulang kali oleh tukang cerita dan bersifat tidak tetap, sesuai dengan kehendak pendengar dan perubahan zaman. Oleh itu, cerita rakyat merupakan cerminan kepada perilaku dan budaya sesuatu masyarakat itu dan hanya milik masyarakatnya secara kolektif.

Kesimpulan

Selari dengan tugas perkembangan kanak-kanak di peringkat pertengahan (*middle childhood*) yang gemarkan bacaan-bacaan berbentuk ringan tetapi menghiburkan, maka difikirkan wajar satu kajian yang melihat dari segi bentuk penyampaian cerita dijalankan. Selain mengesan bentuk-bentuk penyampaian yang baik, kajian ini turut

melihat bahan pengajaran yang terkandung dalam bahan bacaan yakni cerita rakyat sebagai fokus bahan kajian ini. Menerusi perincian ini diharapkan dapat membantu peningkatan dan penambahbaikan dalam bidang penulisan dan penerbitan bahan bacaan kanak-kanak agar lebih menarik, interaktif serta dapat menyebarluaskan bidang kajian dalam kesusastraan kanak-kanak di masa hadapan.



BIBLIOGRAFI

- Aminuddin. *Pengantar Apresiasi Karya Sastra*. Bandung: Sinar Baru Argesindo, 2009.
- Abbas Siregar Djarijah. *Pakan Ikan Alami*. Yogyakarta: Penerbit Kanisis, 1995.
- Abdul Hamid Mahmood. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994.
- A.Hamid Hasan Lubis. *Glosarium Bahasa dan Sastera*. Bandung: Penerbit ANGKASA,1994.
- A.Rahman Kaeh. "Latar Belakang Sastera Tradisional Melayu". *Jurnal Budaya Melayu*. Bangi: Jabatan Persuratan Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia, jilid2, Bil.1, 1977.
- Abdullah Nasih 'Ulwan. *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam* (Jilid 1). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998.
- Aripin Said. *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhd Affendi. "Pembentukan Emosi Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera". *Jurnal Pengajaran Melayu*, Jil. 22, 2011.
- A.S Hornby *et. al*. *Oxford Fajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007.
- Asmah Haji Omar. *Bahasa Diraja* (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Awang Had Salleh. "Prinsip-prinsip Penulisan yang baik untuk Buku Kanak-kanak: Tema, Struktur dan Bahasa". *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993.
- Azrina Abu Bakar @ Mohd. *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2001.
- Barbara Seuling. *How To Write a Children's Book and Get It Published* 3th edition. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2005.
- Barbara Stoodt. *Children's Literature: Discovery for A Lifetime*. Melbourne: MacMillan Education Australian FTY LTD, 1996.
- Barbara Wall. *The Narrator's Voice: The Dilemma of Children's Fiction*. London: MacMillan, 1991.
- Betty Coody. *Using Literature With Young Children*. Dubuque, Iowa: William c. Brown, 1983.

- Bodmer, G.R. "Approaching the Illustrated text". Dalam G.E. Sadler (Ed.), *Teaching Children's Literature Issue, Pedagogy, Resources*. New York: The Modern Language Association of America.
- Burhan Nurgiyantoro. "Pemplotan". *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press, 2000.
- Charles Elster dan Herbert D. Simon. "How Important Are Illustrations in Children's Readers?". *The Reading Teacher*, November 1985.
- Charles D. Gaitskell, Al Hurwitz, Michael Day. *Children and Their Art*. New York (4th Edi): Harcourt Brace Jovanovich, Inc, 1982.
- David L. Russell. "Literature for Children: A Short Introduction". USA: Pearson Education, 2009.
- Danandjaja, James. *Folklor Indonesia: Ilmu Gosif, Dongeng, dan Lain-lain*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti, 1997.
- Dewan Pelajar. "Baju Baru Raja". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mac 2004.
- Dewan Pelajar. "Isteri Si Penjual Garam". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 2004.
- Dewan Pelajar. "Peperangan Kucing dengan Tikus". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ogos 2004.
- Dewan Pelajar. "Raja Muda dan Puteri Burung Kuau". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari 2006.
- Dewan Pelajar. "Arnab yang Bijak". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jun 2006.
- Dewan Pelajar. "Pengembalaan Putera Raja". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 2006.
- Dewan Pelajar. "Kisah Chapi dan Si Bongsu". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ogos 2006.
- Dewan Pelajar. "Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, September 2006.
- Dewan Pelajar. "Putera Belanak dan Puteri Bongsu". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari 2007.
- Dewan Pelajar. "Tajamnya Akal Sang Ketam". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari 2008.
- Dewan Pelajar. "Hashim yang Cerdik". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Oktober 2008.

- Dewan Pelajar. "Asal Mulanya Burung Tekukur". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari 2009.
- Dewan Pelajar. "Penenun Rambut". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ogos 2009.
- Dewan Pelajar. "Kisah Semut dan Kerengga". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mei 2010.
- Dewan Pelajar. "Kucing dan Ilmu Memanjat". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Oktober 2010.
- Dewan Pelajar. "Si Anak-anak dengan Hampa Padi". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Disember 2010.
- Dewan Pelajar. "Dadu dan Didi Membunuh Gergasi". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 2012.
- Dewan Pelajar. "Tiga Pilihan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Oktober 2012.
- Dewan Pelajar. "Kisah Seuncang Padi". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari 2013.
- Dewan Pelajar. "Balasan Orang Kaya Tamak". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ogos 2013.
- Dewan Pelajar. "Guri Emas dan Isteri Cerdik". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, November 2013.
- Erward Morgan Foster. *Aspect of The Novel*. London: Penguin Books, 1974.
- Endaswara, Suwardi. *Metodologi Penelitian Sastra*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama, 2003.
- Esma Rofiza Yusof. *Latihan Ilmiah Bahasa dan Linguistik Melayu*. "Cerita Asal-Usul: Tinjauan Psikologi". Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2001.
- Ethel L. Heins (ed). "Art and Text and Content". *The Horn Book*, 1984.
- Faizal Tehrani. "Sastera Kanak-kanak: Pendekatan Islam". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, November 2005.
- Fatimah Busu. "Plot". *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif: Teori dan Proses*. Bentong: PTS Publication and Distributor Sdn. Bhd., 2003.
- Gorys Keraf. *Diksi dan Gaya Bahasa* (cetakan pertama). Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, 1984.
- Halimah Hasan. "Sastera Tradisional Sarat Panduan Penting Masyarakat Moden". *Berita Harian*, 21 Jun 2005.

- Harun Mat Piah et al. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Hassan Ahmad. "Bahan-bahan Tempatan untuk Penciptaan Sastera Kanak-kanak di Malaysia". *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja* (selenggaraan Othman Puteh dan A. Ahmad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Hassan Ahmad. "Ke Arah Mempertinggikan Nilai Penerbitan Buku Kanak-Kanak". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid.vii. Bil 10, 15 Oktober 1977.
- Hamedi Mohd Adnan. "Daripada Umum kepada Khusus: Orientasi Pasaran Majalah Melayu". *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Vol. 9, No. 1, 2007.
- Hamzah Hamdani. "Catatan di Sekitar Bengkel Penulisan Buku Kanak-Kanak". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Disember 1977.
- Hashim Awang. "Penulisan Sastera Kanak-Kanak Malaysia: Beberapa Permasalahan". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, April 1987.
- Hashim Awang . Teman Pelajar Kesusasteraan. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad. "Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu". *Jurnal IMAN* Vol. 2 Bil. 5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Havighurst. R. Human Development and Education. New York: David McKay Company, inc. 1953.
- Herbert Read. "Art as a Unifying Principal in Education" dalam *Child Art, The Beginning of Self-Affirmation*. Hilda Lewis (Ed.). Berkeley: Diablo Press, 1966.
- Ismail Hussein. "A Selected Bibliography of Traditional Malay Literature". *Tenggara*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1969.
- Ismail Hussein. "Masalah Pensejarahan Sastra Melayu Baru". *Penulis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, tahun 4. Bil. 1-3, 1970.
- Ismail Yusoff. *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2008.
- Jan Vansina. *Oral Tradition*. London: Routledge & Kagan Paul, 1965.
- Jas Laile Suzana Jaafar. *Pengenalan kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd., 2008.
- Julia Unggai. "Sastera Kanak-Kanak: Menurut Pengalaman dan Pengetahuan Psikologi Kanak-Kanak". *Wadah*, Disember 1992.

Jamilah Hj. Ahmad. "Analisis Isi Cerita Rakyat (Marchen yang Tercetak)". Mohd. Taib Osman (penye.). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Jonn Dewey. *Art as Experience*. New York: G.P. Putman's Sons, 1938.

Josnah Ali Amat. *Psikologi dalam Al-Quran*. Sabah: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, 2012.

Karin Lesnik-Oberstein. "Defining Children's Literature and Childhood". *International Companion Encyclopaedia of Children's Literature*. London: Routledge, 1996.

Khadijah Rahmat. *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Lee Kim Hong. "Pengajaran dan Pembelajaran Sastera dalam Sukatan Pelajaran Pengajian Cina KDPM". *Jurnal*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar, 2010.

Lee Galda dan Kathy G. Short. "Visual Literacy: Exploring art and Illustration in Children's Books". *The Reading Teacher*, Vol. 46 No. 6, March 1993.

L.G. Sarmadi. "Kajian strukturalisme dan Nilai Edukatif dalam Cerita Rakyat Kabupaten Klaten". *Tesis Master*. Surakarta: Universiti Sebelas Maret Surakarta, Mei 2009.

Lim Swee Tin. "Psikologi dalam Karya Remaja: Aspek yang Seringkali Terabai". *Pemikiran Kesusteraan: Wajah Dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan Himpunan Esei Sastera*. Kuala Lumpur: kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara dan Kem Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, 2009.

Lutfi Abas. *Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995.

Madiawati Mamat @ Mustafa dan Arbaie Sujud. "Tranformasi Mediaum dari Tradisi Lisan, Teks dan Bentuk Multimedia dalam Cerita Unggas". *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 20, No 20, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010.

Magery Fisher. *Children and Literature: Views and Reviews* Haviland, V (ed.). London: Bodley Head, 1973.

Maman Suryaman. "Pendidikan Karakter Melalui Pembelajaran Sastra". *Cakerawala Pendidikan*, Edisi Khusus Dies Natalis. Yogyakarta: FBS Universitas Yogyakarta, Mei 2012.

Maria Nikolajeva. "Word and Picture" in *Teaching Children's Fiction* by Charles Butler. New York: Palgrave Macmillan, 2006.

Marion Van Horne. *Menjadi Penulis: Membina Jemaah yang Menulis*. Putu Laxman S. Pendit (penterj.). Jakarta: BPK Gunung Mulia, 2007.

Masri Hj. Abdul Rashid. *Latihan Ilmiah*. “Cerita Kanak-Kanak Terpilih DBP: Suatu Tinjauan Tentang Tema dan Struktur”. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977/78.

Matura Adam. Balai dalam Konteks Seni bina Melayu. *Projek Ilmiah Diploma Seni Bina*. Shah Alam: Universiti Industri Teknologi Malaysia, 1988.

Merriam Webster's Encyclopedia of Literature. Massachusetts: Publishers Springfield, 1995.

M. K Danziger dan W.S Johnson. *Pengenalan Kritikan Sastera* (terj) Hamdan Yahya, Johan Jaafar dan Samsudin Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

M. Saleh Saad. “Tinjauan Lanjut Terhadap Struktur Plot Keluarga Gerila”. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, November 1967: 503.

Md. Azlah Ali et. al.. “Persepsi Pekerja Terhadap Strategi Pembangunan Kerjaya dalam Organisasi: Satu Kajian di Johor Corporation, Johor Darul Takzim”. Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia. Skudai: Penerbit UTM Press, 2009.

Md Sidin Ahmad Ishak. *Buku Kanak-kanak Di Malaysia Sebagai Warisan Hasil Seni*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. 2008.

Md Sidin Ahmad Ishak. “Pembangunan Buku Kanak-kanak dan Remaja: Analisis Umum Peraduan dan Anugerah Sastera di Malaysia”. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* vol. 6 (1), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010: 97-107.

Misran Rokimin. “Pendidikan Moral Menerusi Bacaan Sastera Kanak-kanak”. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, November 2005.

Mohd Affandi Hassan. “*Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastera Melayu Moden*”. Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/ Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Mohd Akbal Abdullah dan Rafiuddin Afkari Abdul Fatah “Diaspora Rumpun Melayu Di Muar, Johor Malaysia” *Kertas kerja* dibentangkan di Seminar Diaspora dan Deklarasi Daerah Kembar Siak dengan Dungun, Terengganu, di Siak, pada 15-17 November 2013, Pembentangan kertas kerja ini dibiayai oleh Perunitkuan Pusat Penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan VOT C055, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Mohd Nasuruddin Hasbullah, *et al. Karakter dan Elemen Ruang Persekutaran Rumah Melayu Tradisi Kelantan*. Shah Alam: UITM Institut Pengurusan Penyelidikan, 2010.

Mohd Salleh Lebar. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 1999.

Mohd Shahrani Ahmad, Zainal Madon, Mohamad Ibrani Shahrimin Adam Assim. *Psikologi Perkembangan Manusia*. Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2003.

Munsyi Sastera. "Plot: Peristiwa yang Memulakan Cerita". *Pelita Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Sastera dan Bahasa, November 2005.

Mohd. Taib Osman. Meninjau Semula Cerita Rakyat. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Mei 2002: 77-87.

Mohd. Yusof Hasan. Penghayatan Fiksyen Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995.

Murti Bunata. Problemika Penulisan Cerita Rakyat Untuk Anak Di Indonesia. Jakarta: Balai Pustaka, 1998.

Naapie Mat. "Perkaitan Membaca dengan Menulis". *Pelita Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mac 1997: 36-37.

Nancy J. Johnson dan Cyndi Giorgis. "Children's Books: Keeping Kids Reading". *The Reading Teacher*, Vol. 54 No. 5, February 2001.

Nik Suriatee Nik Soh. *Ijazah Sarjana Muda*. "Sastera Kanak-Kanak Satu Kajian Isu-isu yang Terdapat dalam Cerita-cerita Binatang". Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2000.

Nikki Gamble dan Sally Yates. Exploring Children's Literature (2nd edisi) London: SAGE Publication L.T.D, 2008.

Norliah Bainun. "Pembentukan Akhlak Melalui Karya Sastera (KOMSAS) dilihat daripada Perspektif Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak". *Ijazah Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia, 2009.

Noraini Panot. *Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda*. "Perkembangan Sastera Kanak-Kanak Di Malaysia: Ditinjau Dari Aspek Tema Dan Struktur". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981.

Norhidayu binti Kassim. "Persepsi Kanak-Kanak Terhadap Watak dan Perwatakan Tokoh dalam Karya Sastera Kanak-Kanak Berunsur Sejarah". *Ijazah Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2011.

Nor Paohatun Hj. Yusof. Dewan Pelajar: Satu Analisis Kandungan (Edisis Jun-Okttober 1997-1999). *Projek Ilmiah Pengajian Media*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1999/2000.

Nur Zulaili Mat Jusoh dan Nik Rafidah Nik Mohd Affendi. Unsur Suspens dari Perspektif Psikologi. Kertas Kerja Seminar Kesusteraan Kanak-kanak dan Remaja. Dewan Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka pada 9 April 2009.

- Nurhanani Abdul Rahman. "Kajian Pengaruh Halaman Terhadap Seni Bina Melayu". *Kajian Tropikal*. Skudai: UTM, 2003.
- Nurul Azimah Abdull Sedik. *Tesis Master Sastera*. "Ekspresi Emosi Kanak-kanak dalam Bahan Bacaan Sastera". Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Othman Puteh. Langgam Penceritaan Cerpen Melayu. Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1994: 102.
- Paimah Binti Atoma. "Gaya Persembahan dan Kemahiran Penulisan". *Jurnal Kemanusiaan*. Universiti Teknologi Malaysia, 2004.
- Patricia Cianciolo "Children's Literature Can Affect Coping Behaviors", *Personnel and Guidance Journal*, Jil. 43, Mei 1965: 897-90.
- Patricia Murphy. "Using Picture Books to Engage Middle School Students". *Middle School Journal*, March 2009.
- Patrick Groff. "Should Picture Books and Young Children Be Matched?" *Language Arts*, Vol. 54, No. 4, April 1977.
- Philadelphia Child Guidance Center. *Your Child's Emotional Health: The Middle Years*. New York: The Philip Lief Group, Inc., 1994.
- Pradopo, Rachmad Djoko. Beberapa Teori Sastra, Metode, Kritik, dan Penerapannya. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2005,
- Propp,V. "Morfologi Cerita Rakyat (terjemahan oleh Noriah Taslim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Putera Manuaba. "Budaya Daerah dan Jati Diri Bangsa: Pemberdayaan Cerita Rakyat dalam Memasuki Otonomi Daerah dan Globalisasi." *Masyarakat, Kebudayaan dan Politik*, Th XII, No 4, Oktober 1999: 57-66.
- Puvana A/P Planisamy. "Perkembangan Buku Cerita Fantasi Kanak-kanak". *Latihan Ilmiah*.Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2000.
- Pyan B. Husyn. "Struktur Plot Cerita Pantun Sunda dan Cerita Penglipur Lara Melayu: Satu Tinjauan Perbandingan". *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 1974: 163-169.
- Rabiatuladawiyah binti Arshad. "Penerbitan Buku Kanak-kanak: Kajian Perekaan Buku Hadiyah Buku Kebangsaan Malaysia". *Ijazah Sarjana*. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1999.
- Rahimah A. Hamid. "Piama dan Petua Tradisi: Ilmu Menanam Padi Masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Malaysia". *Jurnal SARI* Vol. 28 Bil. 2, 2010: 211-233.
- Raja Masitah Raja Ariffin. "Konsep Merantau ke Alam Melayu: Serampang Banyak Mata". *Jurnal IMAN*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.

- Rogayah A. Hamid dan Majuni Plera. *Kumpulan cerita rakyat Melayu-Polinesia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , 2007.
- Ruzainor Ab. Halim. Penggunaan Bahasa Dalam Majalah Kanak-kanak. *Tesis Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2000.
- Ruth Straus Gainer. "Beyond Illustration: Information about Art in Children's Picture Books". *Art Education*, March 1982.
- Saidi Said. "Struktur Plot Cerita Tiga Negeri Senawar". Segmen Elektif Sastera SPM. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 2003: 4.
- Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Edisi pertama. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia, 2005.
- Salmah Hj. Ayob. "Sastera untuk Kanak-kanak: Fungsi dan Implikasinya". *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan* Jil.3 Bil.1. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Januari 1981: 73-82.
- Seri Lanang Jaya Rohani dan Dahlia Janan. *Terampil Berbahasa* (Versi PDF) Batu Caves: PTS Akademia, 2012.
- Siti Ezaleila Mustafa & Shahrul Nazmi Sannusi. Majalah sebagai Bahan Bacaan Kanak-Kanak: Analisis Elemen Editorial terhadap Kuntum, E-Baca dan Ana Muslim. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* Vol. 14, No. 2, 2012.
- Siti Rukiah Jaafar. *Tesis Master Bahasa Melayu*. "Tahap Perkembangan Bahasa dan Tingkah Laku Kanak-Kanak Prasekolah Daerah Hulu Langat". Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2007.
- Siti Saniah Abu Bakar, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Arba'ie Sujud. "Warisan Budaya Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-kanak". *Jurnal ASWARA* Jil. 5 Bil. 1/2010. Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Jun 2010: 18-27.
- Siti Zainon Ismail. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Siti Zainon Ismail. "Lembah Tempasuk: Satu Catatan Peralatan Budaya-Antara Teknik, Ritual dan Estetika". *Jurnal SARI* Vol. 3 Bil.2, Julai 1985.
- Sohaimi Abdul Aziz. Memperhebatkan Penghasilan Bahan Bacaan Yang Bermutu: Sastera Kanak-Kanak Alternatif Terbaik. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Oktober 1997: 46-49.
- Syed Abdullah Syed Sulaiman. "Tradisi lisan: Satu penilaian". *Kertas kerja Festival dan Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan*. Bachok: Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, 16-18 Oktober 2011.

- Suhartono, Bambang Yulianto dan Anas Ahmadi. "Cerita Rakyat di Pulau Mandangin: Kajian Struktural Antropologi Claude Lévi Strauss". *Jurnal UNAIR*: Universitas Negeri Surabaya. Volume 23, No. 4, 2010.
- Susan Hall. *Using Picture Storybooks to Teach Literary Devices: Recommended Books for Children and Young Adults*. Canada: The Oryx Press, 1990.
- Talib Samat. *Di Sekitar Dunia Sastera dan Permasalahannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Tang Chee Yee. *Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 1989.
- Umar Junus. *Dongeng Tentang Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.
- Umar Junus. "Gaya dan Data: Suatu Pemikiran". *Gaya Bahasa Sastera Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur, 2010: 2.
- Ungku Maimunah. "Cinta Fansuri oleh A. Samad Said". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Virginia Haciland. *Children and Literature: Views and Reviews*. USA: Scott. Foresman and Company, 1973.
- Yahya Ismail. "Mengkaji Fiksyen". Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional, 1967.
- Yeap Keng Leng. "Kajian Kualitatif : Satu Pengenalan". *Jurnal Keningau*. Jabatan Kaji Sosial. Bil 3, 2000.
- Yusoff, Mohd. Nazaruddin Osman, Muhamad Khairul Anwar Rofie, Mohamad Khadafi Abdul Rahman, Mohd Nizho Md. Zain, Azman. *Pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (tidak dicetak).
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. "Antara Tradisi dan Perubahan Pernyataan Budaya Di Persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia". *Jurnal Pengajaran Melayu*, Jil. 18, 2007.
- Wan Hashim Wan The. Perkembangan Institusi Kraf Tangan Malaysia Masa Kini. *Jurnal SARI*, Vol.8, 1990.
- Walter E. Sawyer. *Growing Up With Literature* (6th Ed). USA: Wadsworth Cengage Learning, 2012.
- William Flint Thrall and Addison Hibbard. *A handbook to Literature*. New York: Odyssey Press, 1960: 358.
- Wolfram Eberhard. *Studies in Chinese Folklore and Related Essay*. Bloomington: Indiana University Research Centre, Mouton and Co, 1970.

Zainiah Mohamed Isa. "Pemilihan Buku Bacaan Bahasa Melayu yang Sesuai untuk Kanak-kanak di Malaysia". *Jurnal Bitara* Vol. 2. Tanjung Malim Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009: 45-57.

Zhihui Fang. "Illustrations, Text, and The Child Reader: What are Pictures in Children's Storybooks for?". *Reading Horizons*, Vol. 37 Bil. 2, 1996.

LAMAN SESAWANG

AniAwang. "PURNAMA kearah menyuburkan sastera kanak-kanak" - (http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm) (diakses pada 13/4/2015)

Dewan Pelajar. http://dwnpelajar.dbp.my/wordpress/?page_id=2 (diakses pada 26/9/2014)

http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&catid=35%20Adasarpelan-tindakan&id=672%20Adasar-kanak-kanak-negara&Itemid=280&lang=ms (diakses pada 19/3/2014)

<http://www.ukm.my/solls09/Proceeding/PDF/nurhasma,%20kartina%20et%20al.pdf> (diakses pada 13/5/14)

<http://www.scribd.com/doc/5387818/CERITA-KATAK-MEMBUNUH-GERGASI> (diakses pada 13/5/14)

<http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klik1jan6.pdf> (DBP setengah abad) (diakses pada 13/5/14)

<http://el-children.blogspot.com/> (diakses pada 19/3/2014)

[http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2005/leeMPRM.pdf.](http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2005/leeMPRM.pdf) (diakses pada 13/4/2014)

http://arthistory.about.com/od/glossary_c/a/c_collage.htm diakses pada (diakses pada 3/5/2015 : 10:11 pm)

http://www.ehow.com/facts_5127088_definition-collage-art.html (diakses pada 3.5. 2015, 10:19 pm)

http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Rasulullahhpalingmenepatijanji/Article/index_html (diakses pada 5/11/2015 jam 4.03 pm)

http://www2.bharian.com.my/articles/UmattepatijanjimencontohikhlasRasulullah/Article/print_html (diakses pada 5/11/2015 jam 4.03 pm)

<http://www.jstor.org/stable/pdfplus/807476.pdf> (diakses pada 3.6.2014-10:42 pm)

<http://www.umi.ac.id/berita-universitas/lp2s-umi-adakan-pelatihan-penulisan-jurnal-dan-buku-ajar/> (diakses pada 10.8.2015-12:58pm)

- <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sekolah/terbit-karya-bacaan-akademik-8232-adaptasi-sukatan-kurikulum-1.28447> (diakses pada 27/2/2015 jam 1:27 pm)
- <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/iktiraf-karya-ilmiah-bahasa-melayu-1.27765> (diakses pada 27/2/2015 jam 1:27 pm)
- <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/baca-buka-jendela-minda-1.43300>
(diakses pada 27/2/2015 jam 1:29 pm)
- http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1103&pub=utusan_malaysia_a&sec=Keluarga&pg=ke_03.htm&arc=hive (diakses pada 25/5/2012 jam 10:00pm)
- <http://htn-alatpertanian.blogspot.com/2009/05/kenalan-dengan-luku-bajak.html>
(diakses pada 25/5/2015 jam 10:00pm)
- http://jpn.penang.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=58&Itemid=58&lang=ms (diakses pada 25/5/2015 jam 11: pm)
- <https://alanmalungi.files.wordpress.com/2011/04/alat-tenun-lengkap.jpg> (diakses pada 25/5/2015 jam 11: pm)